



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

STATUS PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA KINABALU, SABAH

MOHMAD JEOFREY BIN YUSSIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**STATUS PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI DAN
KESIHATAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA KINABALU, SABAH**

MOHMAD JEOFREY BIN YUSSIN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**


**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007**



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan Ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

16. 04.2007


.....
MOHMAD JEOFFREY-BIN YUSSIN
M20061000035





Dedikasi

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Tunduk dan syukur dengan limpah dan kurniaMu
 Semoga Rahmat Mu melingkari hidupku dan keluargaku
 Di Dunia dan Akhirat. Amin..
 Selawat dan Salam buat junjungan besar
 Nabi Muhammad saw. dan keluarganya
 Pembawa Rahmat seluruh alam.
 Salam teristimewa buat Ayahanda Mohd. Yussin Abdullah
 Serta kepada isteriku Pn.Yumesia Samadi
 Juga kepada anak-anakku
 Kerana semuanya sanggup bersamaku
 Untuk meredah kepayahan menyusun langkah
 Mencari dan menggali ilmu Allah yang maha luas.
 Terima kasih kuucapkan buat sahabat-sahabat
 Kerana pertolongan kalian tidak dapatku balas
 Namun sekelung doa restuku semoga jasa-jasa kalian
 Mendapat balasan dan ganjaran kebaikan dari Allah S.W.T.
 Amin...



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
ABSTRAK	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	9
1.7	Definisi Operasional	10

BAB 2 SOROTON LITERATUR

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Teori Berkaitan	13
2.3	Kajian Berkaitan	19

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	28

3.3	Karangka Konseptual	29
3.4	Sampel Kajian	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Pentadbiran Kajian	32
3.7	Prosedur Kajian	32
3.8	Analisis Data	33

BAB 4 DAPATAN KAJIAN.

4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Demografi Responden	36
4.3	Analisis Persoalan Kajian	38

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	41
5.2	Perbincangan	42
5.3	Rumusan	46
5.4	Cadangan	47

RUJUKAN 49

LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	51
B	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Sabah	55



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw. kerana dengan limpah perkenanNYA, kertas projek ini dapat diselesaikan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Dr. ONG KUAN BOON** di atas segala tunjuk ajar, teguran, nasihat, dan bimbingan beliau. Sesungguhnya dorongan yang diberi amat berharga kepada saya sebagai panduan untuk mengatasi cabaran yang dihadapi. Tanpa tunjuk ajar beliau, saya tidak mampu untuk menyelesaikan tugas ini. Tidak lupa juga, kepada Prof. Madya. Dr. Shaharudin Abdul Aziz di atas segala bantuan dan sumbangan beliau dalam proses penulisan kertas projek ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan sekolah-sekolah yang terlibat diatas kerjasama yang diberi untuk menjalankan kajian di sekolah berkenaan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan pandangan, bantuan dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada orang-perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang tidak dapat disebutkan di sini, di atas segala sumbangan dan kerjasama yang telah diberi. Hanya kepada Allah swt. ku pohon untuk membalas jasa tuan-tuan kepada saya. Sekian, terima kasih





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Rating Status Perlaksanaan P&P PJK	35
2 Taburan Responden Mengikut Jantina	36
3 Taburan Peratusan Responden Mengikut Umur	36
4 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	37
5 Taburan Responden Mengikut Opsyen	37
6 Skor dan skala rating peranan dan penglibatan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PJK	38
7 Skor dan skala rating bagi kurikulum dan kandungan pelajaran PJK	39
8 Skor dan skala rating bagi falsafah dan objektif pelajaran PJK	39
9 Skor dan skala rating bagi penggunaan masa pengajaran PJK	40





ABSTRAK

Oleh

MOHMAD JEOFREY BIN YUSSIN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap keberkesanan pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Dalam menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan ini, peranan dan penglibatan guru, kurikulum dan kandungan pelajaran PJK, falsafah dan objektif pelajaran PJK serta penggunaan masa pengajaran PJK dijadikan asas kajian. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang dibentuk oleh Piscopo di empat belas (14) buah sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Responden dalam kajian ini terdiri 80 orang guru, yang mengajar PJK. Soal selidik digunakan bagi tujuan mengumpul data. Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif. Bagi mendapat kekerapan dan peratusan data diproses menggunakan perisian SPSS. Keputusan menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah berkenaan adalah pada tahap yang "sederhana". Secara keseluruhannya implikasi dari kajian ini menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah berkenaan boleh dipertingkatkan. Penekanan dan tumpuan harus diberikan kepada aspek-aspek seperti kelayakan, sikap, pemilihan isi kandungan, kaedah penyampaian, ketepatan objektif dan penggunaan masa pengajaran. Semoga dengan ini tahap keberkesanan pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah dapat ditingkatkan kepada tahap yang membanggakan dan setanding dengan mata pelajaran lain.





ABSTRACT

BY

MOHMAD JEOFREY BIN YUSSIN

The purpose of this study was to identify the level of the effectiveness of the implementation of Physical and Health Education in secondary schools in the district of Kota Kinabalu, Sabah. The study describes factors such as the teacher's role, curriculum and contents, philosophy and objectives and time management of physical and health education which formed the basis of this study to determine the effectiveness level of the implementation. A questionnaire prepared by Piscopo is administered in fourteen (14) secondary schools in the district. Respondents are teachers of Physical and Health Education in the irrespective schools (80 respondents). The questionnaire was used for the purpose of gathering data which was later analysed using, descriptive statistics. Results of the study revealed that the effectiveness level of the implementation of Physical and Health Education in the schools was at a "fair". The study also showed that the overall effectiveness in the implementation of Physical and Health Education in the schools concerned could be further enhanced. A more prominent attention should be given to aspects such as qualifications, attitude, choice of contents, style of instructions (presentations), statement of objectives and the time management of Physical and Health Education. It is hoped that this will place Physical and Health Education at par with other subjects in schools.





BAB I

PENDAHULUAN



1.1 Penengenalan

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani kini banyak mengalami perubahan. sama ada dari segi konsep ataupun perkembangan isi kandungannya. Walau bagaimanapun, penerimaan dan pengiktirafannya terhadap mata pelajaran ini masih dipertikaikan. Keputusan yang agak mengecewakan ialah masih terdapat sekolah-sekolah tertentu yang beranggapan mata pelajaran PJK kurang penting dan menggunakan waktu PJK untuk mengajar mata pelajaran peperiksaan. Ini diperkukuh lagi oleh Chee Swee Ming (1985) De Veris (1990) dan Tie Fatt Hei et al. (1996) bahawa masyarakat Malaysia pada umumnya tidak





menghiraukan isu-isu seperti ini kerana ia melibatkan mata pelajaran bukan untuk peperiksaan.

Kebanyakan pentadbir atau pengurus sekolah pada umumnya lebih mengutamakan pencapaian akademik. Ini untuk memastikan sekolah mereka tidak digolongkan dalam kategori sekolah berprestasi rendah, iaitu pencapaian kurang dari 60 % kelulusan dalam mana-mana peperiksaan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan itu, pentadbir sekolah tidak memberi penekanan dan menunjukkan perhatian yang serius dalam melaksanakan program dan aktiviti dalam pengajaran mata pelajaran ini. Keadaan ini telah menggalakkan berlakunya ketidakseimbangan dalam pelaksanaan program pendidikan, terutama bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani berbanding dengan mata pelajaran lain yang diajar di setiap sekolah. Secara tidak langsung, ia menunjukkan satu pertentangan terhadap Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat untuk memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Hasrat dan cita-cita ini adalah ke arah pembentukan masyarakat yang cemerlang yang berperibadi seimbang dan harmonis (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1985).

Bagi mengatasi serta mengubah persepsi sempit dan penerimaan salah terhadap mata pelajaran ini, maka mata pelajaran Pendidikan Jasmani telah digabungkan pula dengan Pelajaran Kesihatan. Gabungan kedua mata pelajaran ini telah kemudiannya dijadikan satu mata pelajaran teras yang wajib diikuti oleh semua pelajar di sekolah. Ia menekankan kepada konsep pendidikan melalui aktiviti fizikal dan kesihatan. Langkah ini diharap dapat mempertingkatkan penerimaan positif dan menggalakkan penglibatan semua pihak supaya pelaksanaan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) dapat menjamin perkembangan pendidikan yang berkualiti dan menyeluruh.





Konsep *"throw the ball and let them play"* yang menjadi asas kepada pengajaran mata pelajaran ini dahulu turut diubah.

Gabungan mata pelajaran ini memberi tumpuan dan penekanan kepada aspek pertumbuhan potensi diri setiap pelajar secara menyeluruh selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ia memberi penekanan kepada hubungan dan interaksi antara guru, pelajar, objektif pelajaran dan kandungan yang berlatarkan pengetahuan dalam satu suasana pembelajaran yang positif. Oleh itu, Mosston (1965), Harrison (1983) dan Asmah Hj. Ahmad (1990) mendapati bahawa pendekatan perubahan yang begini berupaya menjamin peningkatan kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, PJK menggalakkan penglibatan diri dalam aktiviti dan tugas pelajaran secara aktif. Aktiviti dan tugas yang terancang dapat memberi peluang kepada pelajar mencuba dan merasai keadaan yang sebenar. Percubaan ini secara tidak langsung memberikan satu bentuk pengalaman baru. Ini menunjukkan bahawa bentuk dan corak pembelajaran PJK dianggap sebagai mata pelajaran yang menggabungkan proses-proses pendidikan melalui pengalaman dan percubaan selaras dengan konsep belajar melalui aktiviti fizikal. Sehubungan dengan itu, proses ini memerlukan satu teknik pengajaran yang berkesan berlandaskan model, prinsip dan teori pembelajaran yang sesuai dan berkesan.



Pengajaran akan ditumpukan kepada pelajar dengan berlatarkan kepada satu "setting" atau persekitaran pembelajaran yang positif dan melibatkan interaksi, objektif serta kandungan yang terancang lagi tersusun dalam jangka masa tertentu agar pembelajaran menjadi lebih berkualiti dan bermakna. Pembelajaran yang berkualiti sebenarnya bergantung kepada kebolehan pendidik menggunakan pendekatan pengajaran yang dapat memenuhi kehendak, minat serta kebolehan pelajar agar proses pengajaran ini dapat menepati objektifnya.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa mata pelajaran PJK sekarang ini telah diberi kedudukan dan pengiktirafan yang lebih tinggi dalam sistem pendidikan di negara ini. Ini terbukti lagi dengan wujudnya pelaksanaan Penilaian Kendalian Sekolah Menengah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Penilaian ini meliputi aspek kecergasan fizikal, psikomotor, kognitif, afektif dan sosial.





Selain itu, pihak kementerian atau jabatan pendidikan turut menyediakan peruntukan khas bagi menjamin pelaksanaan PJK dijalankan dengan baik. Setiap sekolah diperuntukan "*grant*" tahunan mengikut gred sekolah dan bilangan pelajar bagi tujuan pengurusan dan memperlengkapkan kemudahan PJK. Sekolah juga turut mengenakan bayaran yuran tahunan ke atas semua pelajar bertujuan untuk menampung kekurangan peruntukan tahunan kerajaan sebagai tabung pelbagai guna melibatkan segala aktiviti pembelajaran yang diletak di bawah tabung sumbangan wang awam (SUWA). Namun demikian, masih terdapat juga sesetengah sekolah yang menghadapi masalah dalam usaha untuk memperlengkapkan kemudahan-kemudahan sukan.

1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) merupakan satu-satunya pelajaran yang dapat menghasilkan pendidikan yang menyeluruh meliputi domain psikomotor, kognitif, afektif, sosial dan emosi. PJK memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba dan mengalami proses pembelajaran melalui penglibatan mereka dalam aktiviti fizikal yang merupakan aktiviti pembelajaran. sesuatu kumpulan pelajar. Oleh itu, mata pelajaran ini memerlukan satu pendekatan pengajaran yang lebih mantap supaya mampu menghasilkan proses pendidikan yang menyeluruh dan berkesan. Seperti yang telah dijelaskan di bahagian sebelum ini, untuk mencapai matlamat di atas, pelaksanaan pengajaran PJK perlulah dilakukan mengikut kaedah-kaedah tertentu. Di antaranya ia perlu selari dengan falsafah dan objektif pelajaran PJK. Ini bermakna bahawa keberkesanan pelaksanaan pengajaran PJK sebenarnya bergantung kepada keupayaan dan kebolehan guru untuk menyampaikan isi pelajarannya sebagaimana yang terkandung dalam kurikulum PJK. Keupayaan dan kebolehan ini dapat memastikan pencapaian sesuatu objektif pengajaran yang telah diitetapkan. Setiap objektif pengajaran hendaklah selaras dan menepati kehendak falsafah pendidikan masa kini.





Guru-guru yang mengajar PJK adalah terdiri daripada mereka yang tidak terlatih atau tidak mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Keadaan ini merupakan punca berlakunya pengabaian dalam pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah hari ini. Selain itu pengaruh rakan sebaya semasa melaksanakan pengajaran PJK adalah kuat (Lefton, 1991). Sebagai contoh, sikap seorang guru terhadap mata pelajaran PJK boleh dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka ke arah positif atau negatif tertakluk kepada sikap yang pegang oleh rakan sebayanya. Jikalau rakan-rakan sebaya seorang guru selalu memberi pernyataan-pernyataan yang negatif terhadap mata pelajaran PJK, maka guru tersebut mungkin akan terpengaruh terhadap pernyataan-pernyataan itu dan mungkin terus berlaku perubahan sikap yang negatif terhadap mata pelajaran PJK. Keadaan seperti ini mungkin juga berlaku kepada guru terlatih jika mereka tidak melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PJK sepatutnya.

Menurut Fisher dan Bauman (1988) pengaruh di antara rakan-rakan sebaya adalah penting. Sebagai contoh, seorang guru mementingkan rakan sebayanya dan akan mengikut langkah dan gaya kumpulannya supaya dia diterima dalam kumpulan tersebut. Sikapnya terhadap mata pelajaran PJK juga akan dipengaruhi mengikut rakan-rakan sebayanya. Worrchel *et al.* (1991) menyatakan bahawa antara pengaruh-pengaruh kuat yang ada di sekitar kita ialah pengaruh rakan sebaya. Oleh itu, status pelaksanaan PJK juga bergantung dengan sikap dan kreativiti seorang guru.

Dalam hal ini guru yang tidak menunjukkan kesungguhan dalam menggunakan kebolehan dan kemahiran dalam pengajaran mereka menyebabkan sesuatu pengajaran itu menjadi lemah dan tidak berkesan. Ini menyebabkan guru pada umumnya akan lebih menekankan kepada tujuan untuk mengekalkan tahap kecergasan sahaja tanpa mengira objektif lain yang lebih penting. Oleh itu, PJK hanya dijalankan sebagai "*low organised game*" yang tidak mengutamakan objektif, pengetahuan, kemahiran serta nilai-nilai yang dikehendaki. Maka konsep "*throw the ball and let them play*" menjadi unsur utama sesuatu pengajaran guru.





Terdapat pelbagai rungutan berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Didapati prestasi pelajar dalam program PJK adalah semakin menurun. Kelas-kelas PJK tidak dijalankan dengan baik dan teratur. Pelajar hanya melibatkan diri secara bebas tanpa kawalan dan pengawasan daripada guru yang mengajar. Pelajar juga bebas memilih aktiviti atau permainan semata-mata untuk menghabiskan masa yang diperuntukkan untuk masa PJK ini menunjukkan bahawa kelas-kelas PJK dijalankan mengikut kehendak pelajar agar senang dikelolai.

Di samping itu, sikap dan penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran PJK semakin kurang memuaskan. Mereka menganggap mata pelajaran PJK tidak penting dan mereka sentiasa mencari alasan untuk tidak melibatkan diri dalam aktiviti PJK. Sikap seseorang dapat dilihat melalui tingkah lakunya. Sikap biasanya membantu kita membuat keputusan dengan senang beraskan pada kepercayaan-kepercayaan sedia ada yang konsisten dengan kita (Fazio *et al.*, 1992). Keadaan ini jelas dapat dilihat dengan kehadiran pelajar ke kelas PJK dan aktiviti yang berkaitan. Guru juga tidak menunjukkan ketegasan mereka terhadap sikap pelajar bahkan pelajar dibiarkan tanpa mengambil sebarang tindakan yang sewajarnya.

Terdapat beberapa buah sekolah yang tidak langsung menjalankan pengajaran PJK kerana menganggap PJK sebagai pelajaran "*main-main*" yang merugikan pelajar. Masa PJK digantikan dengan pelajaran lain yang dianggap lebih penting. Berdasarkan fahaman dan penerimaan ini, maka pengagihan guru yang mengajar PJK tidak diutamakan, sebaliknya diberikan kepada mana-mana guru untuk mencukupkan bilangan waktu pengajaran semata-mata. Tindakan seperti ini telah menyebabkan beberapa aspek pengajaran dan pembelajaran PJK diabaikan.





Keadaan ini secara tidak langsung turut mempengaruhi prestasi pelajar dalam aktiviti sukan sahaja, sedangkan sukan merupakan aktiviti yang berkait rapat dengan program PJK di sekolah-sekolah. PJK dianggap sebagai aktiviti yang menjurus kepada aktiviti sukan yang sebenar. Pencapaian pelajar dalam bidang ini hanya terhad kepada beberapa jenis permainan sahaja dan sebilangan kecil pelajar berjaya ke peringkat negeri. Persoalannya ialah mengapakah masalah seperti ini wujud di sekolah-sekolah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Banyak faktor yang boleh dikaitkan kepada kewujudan masalah ini untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan pengajaran PJK. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah faktor-faktor ini mempengaruhi status pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah berkenaan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji status pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini cuba mengenal pasti sejauh manakah aspek-aspek yang berkaitan dengan peranan dan penglibatan guru, kurikulum, falsafah dan objektif serta penggunaan masa pelajaran PJK dilaksanakan dengan sempurna di samping mengenal pasti sama ada terdapatnya pengabaian dalam pelaksanaan PJK yang dijalankan di sekolah-sekolah berkenaan.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk :-

- i) Menenal pasti sejauh manakah keberkesanan peranan dan penglibatan guru dalam pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah menengah berkenaan.
- ii) Melihat sejauh manakah kurikulum PJK dilaksanakan dengan sempurna dalam pengajaran di sekolah-sekolah menengah berkenaan.





iii) Melihat sejauh manakah falsafah dan objektif PJK diamalkan dalam pengajaran di sekolah-sekolah menengah berkenaan.

iv) Melihat sejauh manakah kesesuaian masa pengajaran mata pelajaran PJK dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah berkenaan.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif di atas, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- 1) Bagaimanakah status pelaksanaan, peranan dan penglibatan guru PJK?
 - a) Adakah guru yang ditugaskan mempunyai kelayakan khusus dalam bidang PJK?
 - b) Adakah guru memahami isi pelajaran yang hendak disampaikan dalam pengajarannya?
 - c) Adakah guru menggunakan kaedah yang sesuai dalam pengajarannya?

- 2) Bagaimanakah status pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran PJK?
 - a) Adakah kurikulum PJK menepati domain pengajaran mata pelajaran PJK?
 - b) Adakah penilaian kurikulum ditentukan oleh pencapaian objektif PJK?
 - c) Adakah rancangan pelajaran mengikuti susunan yang terdapat dalam kandungan PJK?

- 3) Bagaimanakah falsafah dan objektif diamalkan dalam pelaksanaan pengajaran PJK?
 - a) Adakah guru memberi keutamaan kepada falsafah dan objektif dalam pengajaran PJK?
 - b) Adakah falsafah dan objektif dijadikan teras kepada pengajaran PJK?
 - c) Adakah falsafah dan objektif yang ditetapkan menepati kehendak domain pengajaran PJK?

- 4) Bagaimanakah masa pengajaran digunakan dalam pelaksanaan PJK?
 - a) Adakah guru memberi keutamaan kepada falsafah dan objektif dalam pengajaran PJK?





- b) Adakah falsafah dan objektif dijadikan teras kepada pengajaran PJK?
- c) Adakah guru memperuntukkan masa mengikut aktiviti dalam pengajarannya?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang status pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini juga diharapkan dapat mengenal pasti masalah dan kelemahan dalam pelaksanaan pengajaran PJK yang berkaitan dengan peranan dan penglibatan guru, kurikulum, falsafah dan objektif, penggunaan masa serta faktor demografi. Dapatan ini nanti boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran PJK di sekolah-sekolah ke arah memenuhi matlamat pendidikan hari ini.

1.6 Batasan Kajian



Kajian ini hanya untuk menilai status pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah-sekolah Menengah Daerah Kota Kinabalu, Sabah sahaja yang melibatkan beberapa pembolehubah dan prosedur tertentu berdasarkan batasan seperti berikut:

- a) Kajian akan dijalankan di semua sekolah menengah Daerah Kota Kinabalu, Sabah.
- b) Subjek kajian hanya melibatkan lapan puluh guru yang mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah-sekolah berkenaan.
- c) Data diperoleh dengan menggunakan soal selidik.





1.7 Definisi Operasional

i. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Mata pelajaran yang menekankan kepada proses pembelajaran dan pengajaran melalui aktiviti fizikal yang menyumbang ke arah pertumbuhan mental, fizikal, sosial dan emosi.

ii. Kelayakan

Berpengetahuan, berpengalaman dan berkemahiran dalam PJK.

iii. Masa pengajaran

Masa yang diperuntukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran kepada seseorang guru bagi satu-satu sesi pengajaran.

iv. Isi kandungan

Isi pelajaran dan bahan-bahan yang digunakan bagi sesi pengajaran sesuatu pelajaran.

v. Kaedah pengajaran

Cara atau teknik yang digunakan oleh seseorang guru dalam penyampaian ilmu pengetahuan melalui aktiviti pengajaran.

vi. Pembelajaran

Proses belajar (perubahan tingkah laku) berdasarkan domain psikomotor, kognitif dan afektif.



**vii. Pengajaran**

Proses penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran dalam PJK supaya pelajar dapat mempelajari dan menguasai pengetahuan dan kemahiran itu.

viii. Tugas pembelajaran

Melaku, melaksana dan menilai kegiatan dan latihan yang melibatkan proses pembelajaran

